

14/08/2003

Parti komponen tunggu wisel pilihan raya

Lichong Angkui

MENGIKUT perancangan, Barisan Nasional (BN) Sabah sudah bersedia menghadapi pilihan raya negeri jika diadakan dalam tempoh terdekat ini, baik esok atau lusa, sekali pun penggal pemerintahan kerajaan sekarang masih ada lapan bulan lagi dan boleh dipanjangkan sehingga Jun depan.

Akhbar tempatan sering menyiarkan laporan persediaan jentera pilihan raya parti komponen, termasuk sayap Pemuda dan Wanita serta Puteri bagi Umno, yang khabarnya boleh digerakkan pada bila-bila masa. Malah, mereka siap menubuhkan bilik gerakan masing-masing.

Pendek kata, sekiranya ada pilihan raya hari ini pun, tidak timbul masalah dari segi persediaan logistik. Moral dan semangat pimpinan semua parti juga begitu tinggi lagi panas membara, seolah-olah mereka akan memasuki medan pertempuran sehari dua lagi.

Memang pun suasana politik Sabah sekarang begitu kondusif untuk mengadakan pilihan raya negeri. Dengan kedudukan sifar pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) selepas pembangkang utama dulu, Parti Bersatu Sabah (PBS) kembali ke pangkal jalan, tidak kelihatan ancaman besar yang boleh menggemparkan ketenangan politik Negeri Bawah Bayu yang sentiasa dibuai angin ketidakpastian.

Umno pula, sebagai tunjang utama kerajaan BN negeri, kelihatan teguh berakar-umbi dan semakin subur jadinya.

Menoleh sepanjang 12 tahun perjalanan Umno di bumi Sabah, nyata ia telah membawa banyak perubahan termasuk merombak persepsi politik kenegerian sempit serta mencorakkan pemikiran politik nasional yang lebih besar.

Mewarisi sejarahnya di Semenanjung yang tidak pernah kalah dalam pilihan raya umum dan telah memerintah lebih empat dasawarsa, Umno Sabah turut melakar kemenangan manis dengan menyapu bersih semua 24 kerusi yang diperuntukkan kepadanya pada pilihan raya negeri 1999.

Hari ini, di bawah kepemimpinan Ketua Menteri, Datuk Musa Aman, Umno Sabah yang diterajuinya selaku Pengerusi Badan Perhubungan negeri telah memupuk integrasi sosio-politik dan budaya yang begitu kuat sehinggakan ia menjadi penggerak utama perjuangan BN.

Sebab itu, ia diyakini bakal menjadi penyumbang utama kepada kemenangan mutlak BN dalam pilihan raya negeri kelak.

Penganalisis politik berpendapat Umno Sabah wajar diberikan tambahan kerusi untuk ditandingi dalam pilihan raya negeri akan datang yang menyaksikan Sabah mempunyai 60 DUN berikutan tambahan 12 kerusi baru menerusi persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Namun, persoalan mengenai agihan kerusi inilah sebenarnya yang menuntut penyelesaian segera berasaskan semangat muafakat dan setia kawan yang menjadi teras perundingan BN selama ini. Jika tidak, ia boleh menjejaskan persiapan logistik parti komponen.

Dalam konteks Sabah, kawasan pilihan raya dibahagikan mengikut kelompok masyarakatnya - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina. Dan secara tradisi, kawasan Bumiputera Islam diberikan kepada Umno yang mewakili kaum berkenaan, manakala kawasan Bumiputera bukan Islam dikhaskan kepada parti-parti mewakili Kadazandusun/Murut dan kawasan Cina pula kepada parti pimpinan masyarakat Tionghua.

Bagi Umno, mungkin tidak timbul masalah kerana ia satu-satunya parti dalam komponen BN mewakili Bumiputera Islam.

Tetapi, kemungkinan ada masalah ialah bagi kawasan luar bandar dan pedalaman yang ramai Bumiputera bukan Islam serta kawasan bandar yang

majoriti pengundinya suku Cina.

Bagi kawasan Kadazandusun/Murut, selain PBS, ada dua lagi parti mewakili kaum berkenaan, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (Upko) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs).

Justeru, pertimbangan mengenai penentuan calon mewakili parti mana di kawasan berkenaan harus dibuat secara bijaksana agar tidak mencetuskan rasa irihati, kecewa dan marah kepada mana-mana pihak.

Begitu juga di kawasan Cina, pertimbangan adalah antara empat parti mewakili kaum berkenaan, iaitu dua parti dari Sabah, Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP) serta dua dari Semenanjung, iaitu MCA dan Gerakan.

Jika persoalan ini dapat dileraikan, tentunya BN Sabah akan melepasi laluan mudah ke puncak kemenangan.

Umumnya, semua parti komponen BN Sabah sudah bersedia dan hanya menunggu wisel untuk memulakan persaingan. Musa selaku Ketua Menteri dan Pengerusi BN Sabah memegang wisel itu dan boleh meniupnya pada bila-bila masa.

Sebagaimana dijelaskan oleh Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, jentera pilihan raya partinya sudah digerakkan dan yakin semua kerusi ditandinginya tidak terlepas kepada pembangkang.

"Penyokong setia parti itu akan memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada BN kerana mereka yakin negeri ini akan terus maju, aman dan stabil di bawah pemerintahan kerajaan sekarang," katanya.

Presiden Upko, Tan Sri Bernard Dompok, juga awal-awal lagi mengisytiharkan bahawa jika pilihan raya diadakan dalam tempoh terdekat ini, parti itu boleh membantu BN menyapu semua kerusi dipertandingkan.

Reaksi spontan mereka itu diberikan sebagai susulan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatan ke Sabah, Jumaat lalu, yang menyerahkan kepada penggantinya juga timbalan beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menentukan masa sesuai mengadakan pilihan raya negeri.

Ketika diajukan soalan apakah tiada pilihan raya Sabah sebelum Oktober ini, beliau menjawab: "Tak tahu... terpulang pengganti saya bila nak buat."

Kenyataan itu sekali gus meredakan seketika spekulasi mengenai tarikh pilihan raya Sabah, tetapi kesibukan parti-parti komponen membuat persiapan sejak akhir-akhir ini tidak mungkin melenyapkan cerita mengenainya, apalagi penggal pemerintahan kerajaan sekarang sudah pun hampir ke penghujung.